



KETUA SETIAUSAHA  
SECRETARY GENERAL  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Ministry of Education Malaysia  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA

Tel : 603-8870 5051  
Faks : 603-8870 6806  
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.700-3/25/306 ( 5 )

Tarikh : 10 April 2019

Semua Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN ARAHAN POTONGAN GAJI MANDATORI BAGI PEMINJAM  
PINJAMAN PELAJARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA YANG  
BERKHIDMAT DI SEKTOR AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Surat Siaran Mengenai Pelaksanaan Arahan Potongan Gaji Terhadap Peminjam Pinjaman Pelajaran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 10 Mei 2013 dan 10 Ogos 2016, KPM telah mengenalpasti peminjam dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang masih tidak melaksanakan APG sepertimana yang telah diarahkan.
3. Sehubungan itu, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Pinjaman Kumpulan Wang Amanah (JAKWA) Bil. 2/2018, KPM telah memutuskan supaya pemotongan gaji secara mandatori melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dilaksanakan kepada peminjam yang berkhidmat di sektor awam namun belum/terhenti membayar balik Pinjaman Pelajaran KPM.
4. Berdasarkan Perjanjian Pinjaman Pelajaran yang telah ditandatangani antara peminjam dan Kerajaan, KPM dibenarkan untuk membuat perkiraan potongan gaji peminjam untuk bayaran balik sebagaimana dirujuk para berkaitan dalam Perjanjian berkenaan yang menyatakan seperti berikut:-

***“Jika menurut Fasal 3 Perjanjian ini, KERAJAAN menyediakan suatu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena dibayar oleh PEGAWAI kepada KERAJAAN, PEGAWAI adalah dengan ini bersetuju untuk membenarkan KERAJAAN membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PEGAWAI kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi maksud pembayaran balik tersebut”***

5. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato’/Datin/Tuan/Puan, **surat makluman mengenai pelaksanaan APG mandatori akan dikemukakan kepada peminjam yang terlibat secara berperingkat mulai bulan Mac 2019. Peminjam diberikan tempoh selama 90 hari dari tarikh surat untuk memberi sebarang maklumbalas kepada pihak Kementerian.**

6. Sehubungan dengan itu, sukacita dipohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato’/Datin/Tuan/Puan untuk mengedarkan surat makluman ini kepada semua pegawai di organisasi/institusi/sekolah di bawah seliaan masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, YBhg. Datuk/Dato’/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi:

Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1, Blok 2251  
Jalan Usahawan 1  
63000 Cyberjaya, Selangor  
(u.p: Cawangan Penguatkuasaan Sektor Pendidikan)

No. Telefon : 03 – 8321 7100  
No. Faks : 03 – 8321 7101  
E-mel : penguatkuasaan@moe.gov.my

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan)
5. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
6. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
7. Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)